

## **Skim Pembiayaan Qardhul Hassan**

1 **Pengenalan** Peraturan ini adalah dikenali sebagai Peraturan Skim Al- Qardhul Hassan KOOP JPM (SAQH-KOOP JPM). Di bawah skim ini KOOP JPM akan memberikan harta (wang) kepada anggota yang kemudiannya membayar semula dengan jumlah yang sama. Skim ini juga dinamakan skim pinjaman kebajikan yang tidak mengambil keuntungan.

### **2 Tafsiran**

Semua tafsiran yang berkaitan dengan peraturan adalah sama seperti yang dinyatakan di dalam peraturan-peraturan am skim pembiayaan /pinjaman.

### **3 Pelaksanaan**

3.1 KOOP JPM memberikan harta (wang) kepada anggota yang memerlukannya untuk keperluan peribadi

3.2 Anggota membayar balik dengan jumlah yang sama.

3.3 Anggota membayar yuran perkhidmatan bagi setiap bulan bayaran potongan dilakukan.

### **4 Pemohonan**

Anggota (Pemohon) boleh membuat permohonan melalui borang rasmi yang boleh didapati di pejabat KOOP JPM.

5 **Had maksima pinjaman kebajikan** Had maksima semua jenis pinjaman kebajikan ini adalah RM 2,000.00 tertakluk kepada 8 kali gaji (mengikut mana yang kurang) dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dan nasa ke semasa oleh pihak berkuasa termasuk majikan, ANGKASA, KOOP JPM atau kerajaan.

### **6 Jenis-jenis Pinjaman Kebajikan**

Pinjaman Kebajikan ini mestilah digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:

6.1 Untuk tujuan perubatan

6.2 Untuk tujuan takaful

6.3 Untuk tujuan persekolahan / pendidikan

6.4 Untuk tujuan keperluan hari raya.

6.5 Untuk tujuan kelahiran

6.6 Untuk tujuan perkahwinan

6.7 Untuk tujuan kecemasan

7 **Tempoh bayaran Baik**

Tempoh bayaran balik pinjaman kebajikan ini adalah dihadkan selama tidak melebihi 20 bulan.

8 **Penjamin** Seorang penjamin diperlukan sekiranya jumlah pinjaman kebajikan tersebut melebihi jumlah modal syer dan modal yuran terkumpul yang disatukan.